

BID'AH DAN KHURAFAT

Bid'ah Dipandang Dari Segi Pokok Dan Dasarnya

[Suatu kupasan yang jelas tentang pengertian makna bid'ah menurut istilah alim ulama ahli uşul dan ahli fiqah, dan juga tentang pembahagian bid'ah dan pecahannya].

Alim ulama berlainan pendapat dalam mentakrifkan

contohnya yang mendahuluinya).

bid'ah. Di bawah ini kami terangkan takrif yang diberikan

Mengingat makna yang sedemikian ini, maka dinamailah

oleh alim ulama Islam yang terkemuka.

pekerjaan yang diada-adakan dalam agama dan dipandang indah

Al-Shāṭibī dalam kitabnya "*Al-Itiṣām*" berkata:

oleh yang membuatnya: "bid'ah".

lafaz bid'ah pada asalnya bermakna: Segala yang diadakan dengan

Pekerjaan menciptakan bid'ah, dalam bahasa arab

rupa yang belum ada contohnya.

dinamai "*ibtidā'*". Barang yang dibuat itu dinamai

Di antara kata-kata "bid'ah" yang dimaknakan demikian

"bid'ah". Demikian juga rupanya atau kelakuannya.

ialah yang terdapat dalam firman Allah Ta'āla yang ertinya:

Orang yang menciptakan bidaah dinamai "*mubtadi'*".

a. Allah yang "*membadi'kan*" (menciptakan -

Al-Rāghib dalam "*al-Mufradāt*" pula berkata: bid'ah

langit dan bumi) dengan rupa bentuk yang belum ada

menurut bahasa ialah menciptakan sesuatu dengan ketiadaan

contohnya yang mendahuluinya, dalam keadaan yang seindah-indahnya.

mempergunakan alat, benda, masa dan tempat.

b. Dan tidaklah engkau (Ya Muhammad) seseorang

Ahli agama telah beraneka macam faham dalam soal

Rasul yang "bid'ah", (yakni bukanlah seorang Rasul yang

pengertian bid'ah, kerana berlainan pandangan dan tinjauannya.

baharu dibangkitkan, belum ada yang mendahuluinya).

Apabila dikatakan si anu telah membuat suatu

Di sini kita kemukakan dua pendapat yang diberikan

"bid'ah", maka ertinya: si anu telah mengadakan suatu

oleh dua golongan yang berlainan pendapatnya itu.

cara yang belum ada orang yang mendahuluinya. Oleh

Golongan yang pertama: Ahli Uşul.

mengingat makna bid'ah yang sedemikian, orang Arab menamai

Golongan ini terbahagi dua. Ada di antara mereka yang

sesuatu perkara yang indah yang belum ada contohnya:

hanya memasukkan ke dalam "bid'ah" itu segala perkara

"*amr badī'*" (suatu perkara yang indah, belum ada

yang diada-adakan dalam soal ibadah sahaja. Ada pula di antara

mereka yang memasukkan ke dalam kata “bid’ah” itu segala perkara yang sengaja diada-adakan, baik dalam perkara ibadah, mahupun dalam adat (muāmalāt).

Golongan yang pertama dari kalangan ahli usul, yang menetapkan bid’ah hanya yang mengenai ibadat semata-mata, mentakrifkan bid’ah itu seperti di bawah ini:

“Bid’ah itu suatu cara dalam agama yang dimaksudkan dan melaksanakannya berlebih-lebihan dalam beribadat kepada Allah.”

Golongan kedua pula yang memasukkan bid’ah itu meliputi perkara-perkara adat (keduniaan), mentakrifkan bid’ah itu begini:

“Bid’ah itu ialah: Cara yang diada-adakan dalam agama, yang dipandang menyamai syariat sendiri, yang dimaksudkan dengan mengerjakannya apa yang dimaksudkan dengan mengerjakan agama sendiri (memperoleh pahala-pahala keredaan Allah)”.

Demikianlah kesimpulan ulasan al-Shātībī.

Ada pula suatu pendapat yang mendekati pendapat al-Shātībī dengan mentakrifkan “bid’ah” itu seperti berikut:

“Bid’ah itu ialah: Sesuatu yang diada-adakan yang berlawanan dengan hak yang telah diterima dari Rasul. Baik berupa ilmu, berupa amal, ataupun hal dan keadaan. Diadakan dia, kerana sesuatu shubhah (sesuatu keterangan yang samar), atau kerana difikirkan elok dan terus dipandang sebagai ajaran agama yang diturunkan dan dikerjakan.”

Pengertian yang dipegang oleh al-Shātībī, dipegang juga oleh al-Shurunbulālī dalam hāshiyah “*Al-Dar*”.

Pengertian yang seperti itu juga dipegang oleh pengarang “*al-Bahr al-Rā’iq*”.

Golongan yang kedua pula ialah golongan fuqahā’.

Golongan ini sama seperti golongan ahli usul, iaitu mempunyai dua macam pengertian mengenai bid’ah itu. Ada fuqahā’ yang memandang “bid’ah” itu ialah segala kejadian sesudah Nabi (S), yang tercela sahaja, yang menyalahi kitab atau sunnah atau ijmā’. Ada fuqahā’ yang memandang bidaah itu akan segala yang diadakan sesudah Nabi (S), baik kebaikan mahupun kejahatan, baik ibadat mahupun adat. Yakni yang dimaksudkan keduniaan, seperti makan, minum dan pakaian.

Golongan fuqahā’ yang hanya memandang bid’ah itu ialah segala kejadian yang tercela sahaja, yang menyalahi kitab (Qur’an) atau sunnah (hadith), atau ijmā’, dan mereka mentakrifkan “bid’ah” begini:

“Bid’ah itu ialah: Kejadian-kejadian yang tercela, iaitu yang dijalankan sesudah Nabi (S), yang menyalahi kitab atau sunnah atau ijmā’. Inilah golongan yang memandang “bid’ah” itu ialah segala yang terjadi sesudah Nabi. Mereka lebih lanjut menerangkan bahawa yang dikatakan “bid’ah” itu demikian:

“Bid’ah itu ialah: Segala yang diada-adakan sesudah Nabi (sesudah kurun yang diakui baiknya): baik yang diadakan itu kebajikan, mahupun kejahatan, baik mengenai ibadat mahupun mengenai adat.”

Kesimpulannya:

a. Bid’ah menurut golongan pertama ialah: segala yang diada-adakan sesudah wafat Nabi (S), untuk dijadikan syarak dan agama, pada hal yang diada-adakan itu tak ada dalam agama. Hanya diada-adakan itu kerana sesuatu shubhah (keterangan yang memusykilkan), atau kerana sesuatu ta’wīl.”

Maka bid'ah menurut makna ini tercela semuanya.

Dan tidak dikatakan bid'ah segala pekerjaan yang tercela, walaupun diada-adakan itu, jika tidak disifatkan daripada perintah-perintah agama; hanya dikatakan dia pekerjaan-pekerjaan yang tercela semata-mata.

b. Bid'ah menurut makna golongan yang memasukkan ke dalam takrif bid'ah segala yang diada-adakan, baik mengenai ibadat ataupun adat, ialah segala barang yang diada-adakan yang tercela, kerana menyalahi kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya. Atau ijmā', dialah pekerjaan yang tiada diizinkan syarak, tiada diizinkan dengan sabdanya, tiada dengan fi'ilnya, tiada dengan terang, tiada pula dengan jalan isyarat.

Maka bid'ah menurut makna ini, meliputi segala pekerjaan yang dicela syarak sahaja dan diterangkannya, baik mengenai ibadah ataupun mengenai adat; (tidak masuk seluruh adat).

Atau, bid'ah itu menurut makna golongan kedua, ialah "Segala yang diada-adakan sesudah wafat Nabi, baik yang diada-adakan itu kebajikan atau kejahatan, baik urusan ibadat ataupun urusan adat (keduniaan).

Maka bid'ah menurut makna ini, meliputi pekerjaan yang wājib, yang harām, yang sunnah, yang makrūh, yang mubāh, yang berhubungan dengan adat, asal diadakan sesudah Nabi.

Adapun makna bid'ah menurut golongan yang tidak memasukkan urusan adat ke dalam takrif bid'ah, dinisbahkan kepada Imam Malik dan sahabat-sahabatnya, maka ini pula yang ditahqiqkan oleh al-Shāṭibī dalam ulasannya tentang soal bid'ah ini.

Pengertian yang pertama dari golongan yang kedua, dikatakan faham al-Shafi'ī oleh al-Zarkashī dalam kitabnya "*al-Qawā'id*".

Pengertian yang kedua dari golongan yang kedua ini dikatakan faham al-Shafi'ī juga oleh Ibn Hajar al-Haytamī dalam *Sharah al-Arba'in*.

Al-Baihaqi meriwayatkan bahawa al-Shafi'ī berkata:

"Segala yang diada-adakan itu terbahagi dua: pertama, yang menyalahi kitab dan sunnah atau athar atau ijmā'. Bahagian itu sesat, dialah bid'ah ḍalālah. Kedua, yang diada-adakan yang tidak menyalahi sesuatu yang tersebut itu. Bahagian ini, tiada tercela."

Huraian ini diturunkan oleh al-'Asqalānī di dalam "*Fath al-Bārī*".

Abu Shāmah dalam kitab "*al-Bā'ith*" menerangkan, bahawa al-Shafi'ī berpendapat: "bid'ah itu, dua. Bid'ah maḥmūdah (bid'ah terpuji) dan bid'ah madhmūmah (bid'ah terkeji).

Mana yang sesuai dengan sunnah, itulah yang terpuji, dan mana yang menyalahi sunnah, itulah yang terkeji.

Huraian ini diturunkan oleh Jamāl al-Dīn al-Qāsimi dalam kitab "*Iṣlah al-Masājid*". Faham inilah yang dipegang oleh al-Izz bin Abd al-Salām dan al-Qarāfī.

Menjelaskan pengertian bid'ah

Bid'ah menurut pengertian pertama ialah:

"Segala pekerjaan baharu yang tercela, kerana menyalahi kitab (Qur'an), sunnah (Hadīth) dan ijmā', diada-adakan untuk diikuti dan diamalkan sebagai suatu ibadat."

Bid'ah menurut pengertian ini tiada mengenai sesuatu pekerjaan yang wājib atau yang sunnah atau yang mubāh, yang diada-adakan sesudah Nabi.

Sesuatu yang diada-adakan sesudah Nabi, tetapi ada

tempat pengambilannya, atau termasuk ke dalam kaedah-kaedah agama, tidak dipandang bid'ah.

Bid'ah menurut pengertian yang kedua, ialah: "Segala pekerjaan yang diada-adakan sesudah Nabi, baik yang ada berdalil ataupun yang tidak."

Yang ada dalil, mereka namai: "*bid'ah hasanah*", yang tidak ada dalil mereka namai: "*bid'ah sayyi'ah*" atau "*bid'ah qabīhah*".

Ringkasnya: golongan pertama, tidak menamai bid'ah, selain dari yang diada-adakan dalam agama untuk dijadikan ibadat atau hukum syariat. Menurut makna ini maka bid'ah itu tidak terbahagi dan tak dapat dibahagi-bahagikan. Segala bid'ah itu sesat dan terkeji.

Golongan kedua pula memandang bid'ah akan segala pekerjaan yang diada-adakan sesudah Nabi, walaupun yang ada dalilnya. Mereka memandang akan segala yang diada-adakan sesudah Nabi, baik berdalil ataupun tidak. Yang berdalil mereka namai "*bid'ah hasanah*", yang tidak berdalil dan tidak masuk ke dalam sesuatu akidah, mereka namai "*bid'ah qabīhah*" atau "*bid'ah sayyi'ah*". Menurut makna ini, bid'ah itu harus dibahagi: kerana memang nyata ada pekerjaan yang dikerjakan sesudah Nabi, yang ditunjuki kepadanya oleh sesuatu nas. Jelasnya, ada pekerjaan yang wajib dilakukannya, ada yang sunnah dilakukannya, walaupun dalam amalan tak ada yang demikian dalam zaman Nabi (S).

Kedua-dua golongan ini, pada hakikatnya, semuafakat menetapkan bahawa: "Segala bid'ah yang diada-adakan sesudah Nabi yang tak ada dalil dari agama, tak masuk ke bawah kaedah agama, ialah bid'ah yang tercela."

Kalau demikian, bolehlah kita tegaskan, bahawa mereka berselisih hanya dalam memberi nama sahaja. Golongan

pertama mengatakan: Yang dinamai bid'ah yang diada-adakan dengan dijadikan syariat atau ibadat. Golongan kedua mengatakan:

Bid'ah itu segala yang ditimbulkan sesudah Nabi.

Kedua-dua golongan sama menetapkan, bahawa mengada-adakan sesuatu dengan tidak berdasar dalil shar'ī tidak boleh walaupun oleh golongan yang pertama tidak menamainya bid'ah.

Akan tetapi jika kita turuti, kita pegangi makna pertama, maka urusan bid'ah mudah difahamkan, tidak berbelit-belit. Segala hadis yang memburukkan bid'ah tetap dalam keumumannya, tak usah dicari-cari dalam pentahşışnya. Athar-athar yang dapat dibawa untuk menyatakan ada bid'ah yang elok, maksudnya bid'ah pada lughah sahaja, atau pada majāz.

Jika kita turuti makna kedua, maka umum pencelaan harus ditahşışkannya dan bid'ah itu harus pula dibahagi.

Dengan demikian pintu bid'ah selalu terbuka bagi mereka yang hendak mengada-adakan bid'ah, bersenjatakan perkataan: Bid'ah itu ada yang baik. Yang saya lakukan ini masuk yang baik. Demikian selalu kedengaran.

Ahli agama yang mengertikan bid'ah dengan erti kedua, sudah barang tentu, tidak mengatakan elok sesuatu yang tiada elok, akan tetapi kaum *khurāfiyyīn*, sentiasa dapat berperisai untuk mempertahankan bid'ah dengan alasan bid'ah ada yang hasanah (elok) itu.

Dari kerana berlainan takrif inilah terjadi perselisihan dalam membahagi bid'ah dan tidak membahaginya. Natiujahnya, satu jua, iaitu: Segala yang diada-adakan sesudah Nabi, yang tiada berdasarkan dalil, atau tiada masuk ke dalam kaedah-kaedah agama, adalah tercela dan terlarang.

Oleh yang demikian, apabila seseorang alim mendakwa bahawa pekerjaannya itu *bid'ah hasanah*, hendaklah kita menuntut ia berikan dalil yang menunjukkan bahawa perbuatan itu diperintahkan oleh syarak, walaupun tiada pernah diamalkan pada zaman Nabi. Jika dapat ia berikan dalil, kita terima dan pekerjaan itu kita pandang sunnah, walaupun tidak diamalkan dalam zaman Nabi (S), oleh kerana ada yang menyuruh kita mengerjakannya. Jika tak dapat ia berikan dalil tegas, maka dakwaannya (bahawa perbuatannya itu) *bid'ah hasanah*, jatuh sendiri, kerana telah jelas bahawa yang dikatakan bidaah oleh mereka yang membahagi *bid'ah*, ialah yang tiada terdapat amalannya pada zaman Nabi, tetapi ada dalil yang menunjukkan bahawa perkara itu diperintahkan oleh syarak, atau tertuntut, atau terletak di bawah kaedah agama yang kuat.

Bahagian bid'ah secara am

Bid'ah-bid'ah itu, baik golongan yang pertama ataupun yang kedua adalah semuafakat membahaginya secara am kepada:

1. *Fi'iliyyah* (Membuat sesuatu perbuatan).
2. *Tarkiyah* (Meninggalkan sesuatu perbuatan).

Kadang-kadang terjadi bid'ah itu, dengan meninggalkan, baik dengan mengharamkannya atau bukan mengharamkannya.

Sesuatu perbuatan yang halal dengan nas syarak, kalau kita mengharamkan untuk diri, atau kita tinggalkan dengan sengaja, maka kita tinggalkan (haramkan) itu, ada kala kerana ada sesuatu iktibar yang diiktibarkan syarak, atau tidak. Jika kerana ada sesuatu yang diiktibarkan syarak, tidak ada keberatan kita tinggalkan, seperti seseorang mengharamkan untuk dirinya makan sesuatu makanan kerana mendatangkan mudarat.

Ringkasnya: *Bid'ah tarkiyah*, ialah meninggalkan

suatu tuntutan agama, baik wajib ataupun sunnah, dengan meninggalkan itu (ialah perintah) agama. Adapun jika ditinggalkan kerana malas, tidak dinamai bid'ah, hanya menyalahi perintah syarak.

3. *'Amaliyyah*, iaitu bid'ah yang dikerjakan dengan anggota dan pancaindera yang lima, luar dan dalam, seperti mengerjakan sesuatu yang tidak dikerjakan oleh Nabi, atau meniatkan sesuatu yang tidak diniatkan (dan nyatakan) oleh Nabi.

4. *I'tiqādiyyah*, iaitu: memegang sesuatu kepercayaan (*i'tiqād*) yang berlawanan dengan yang diterima dari Nabi (S), dengan kerana sesuatu kesamaran, seperti kepercayaan *shī'ah*, wajib menyapu kaki, tak boleh menyapu sepatu, dan seperti *i'tiqad* kaum *mushabihah* yang menyerupakan Tuhan dengan makhluk.

5. *Zamaniyyah, makāniyyah, ḥaliyyah*, iaitu: meletakkan sesuatu ibadat dalam masa yang tertentu, atau ditempat yang tertentu, atau dalam keadaan yang tertentu, bid'ah yang terjadi dalam masjid-masjid, ditempat-tempat kematian, diperkuburan dan sebagainya.

6. *Haqīqiyyah, adāfiyyah*. *Bid'ah haqīqiyyah* itu ialah sesuatu pekerjaan yang semata-mata "bid'ah", tidak ada sedikit juga perpautan dengan syarak. Perhatikan contohnya:

(a) Mendekatkan diri kepada Allah dengan tidak mahu beristeri, pada hal ada sebab yang menghendakinya ini tak ada pula halangan daripada syarak, seperti yang dilakukan oleh paderi-paderi Nasrani.

(b) Mengabdikan diri dengan berbagai-bagai siksa, sebagaimana yang dilakukan oleh kaum *Shī'ah* pada hari 10 Muharam ('*Ashūrā'*) seperti menampar-nampar muka dan

pipi (dan memukul-mukul dada dengan rantai besi - P.)

kerana meratap akan kematian Saidina Husayn yang telah terbunuh di Padang Karbala.

(t) Menyerahkan hukum kepada akal dan menolak segala nas (keterangan) agama dalam hal keagamaan (agama Allah). Atau dengan lain perkataan: Meninggalkan nas dengan berbagai macam ta'wīl, seperti menta'wīlkan akan haramnya minuman yang memabukkan dengan alasan untuk ubat, umpamanya.

(th) Menyamakan riba dengan jualan, dengan jalan mengatakan bahawa riba dan jualan itu sama-sama mencari untung.

(j) Bertawaf disekeliling kubur dan sebagainya.

Bid'ah adāfiyyah ialah: Sesuatu bid'ah yang terdapat padanya dua jihat (dua segi, dua arah - P.). Apabila ditinjau dari jihat pertama ia bukan bid'ah. Apabila ditinjau dari jihat kedua, nyatalah bid'ahnya. Bid'ah yang serupa ini, dinamai: *bid'ah adāfiyyah*. (Yakni apabila dilihat kepada asal hukumnya, nyatalah sunnah, tetapi apabila dilihat kepada kafiatnya dan perbuatan melaksanakannya, nyatalah bid'ah.)

Di antara contoh-contoh *bid'ah adāfiyyah* itu ialah:

a. Sembahyang *raghā'ib*, dua belas rakaat, dikerjakan pada malam Jumaat yang pertama dari bulan Rejab. Semua ulama mengatakan sembahyang *raghā'ib* itu bid'ah qabīhah (bid'ah terkeji). Hukum bid'ahnya telah diterangkan oleh Imam Nawawī dan pensyarah kitab "*Al-ihyā'*".

b. Sembahyang Nişfu Sha'bān, seratus rakaat; sembahyang bakti kepada kedua ibu bapa dan sembahyang malam dan hari 'Ashūrā'.

Apabila dilihat kepada zatnya, sembahyang, ia dikatakan

diperintahkan oleh syarak, tetapi manakala diketahui bahawa

sembahyang-sembahyang yang tersebut tidak diperintah oleh syarak maka nyatalah bid'ahnya.

c. Melagu-lagukan azan sehingga rosak bacaan, maka itupun bid'ah,

d. Membaca *Qul Huwa Allāhu Ahad* seratus ribu, yang dinamai "*itāqah qubra*" (untuk memerdekakan si mati dari neraka), atau membaca tahlil tujuh puluh ribu kali, yang dinamai "*itāqah şughrā*". Membaca Qur'ān pada zatnya memang diperintahkan dan menjadi ibadat, tetap membacanya untuk si mati atau si hidup, untuk memerdekakan dari api neraka, inilah yang dibid'ahkan. Kerana pekerjaan yang demikian tak pernah dikerjakan oleh Nabi untuk seseorang sahabatnya, dan tak pernah sahabat-sahabat baginda mengerjakan yang demikian untuk sesamanya.

j. Membaca azan untuk sembahyang hari raya atau gerhana. Azan pada asalnya ialah sunnah, membacanya untuk sembahyang hari raya atau gerhana, tak pernah dilakukan oleh Nabi. Kerana itu bid'ahlah ia.

Seterusnya apabila kita ringkaskan pembahagian bidaah itu dapatlah kita simpulkan pembahagian itu kepada dua sahaja: (1) *bid'ah ḥaqīqīyyah*, (2) *bid'ah adāfiyyah*. Iaitu yang pertama bid'ah yang tidak berdasarkan dalil, dan yang kedua bid'ah yang berdasarkan dalil dari satu segi dan tidak berdalil dari segi yang lain.

Menurut takrif bid'ah, ada yang disebutkan (*bid'ah kullīyyah*), dan ada pula (*bid'ah juz'īyyah*). Apabila bid'ah itu mendatangkan kerosakan am maka dinamai: *bid'ah kullīyyah*, seperti bid'ah menyerahkan penepatan hukum kepada pertimbangan akal sahaja dan seperti bid'ah mengingkari

hadis-hadis Nabi kerana berpada dengan Qur'an sahaja.

Begitu pula, apabila kerosakannya hanya mengenai satu bahagian pekerjaan sahaja, seperti bid'ah merosakkan azan, berdiri sebelah kaki dalam sembahyang, maka dinamai *bid'ah juz'iyah*.

'Abādiyyah, 'ādiyyah. Bid'ah-bid'ah yang dilakukan untuk mendampingi diri kepada Allah, yakni yang dijadikan ibadat, maka dinamai: "*bid'ah 'abādiyyah*". Dan sebaliknya bid'ah-bid'ah yang dikerjakan bukan dengan maksud beribadat, maka dinamai: "*'ādiyyah*"

Pembahagian yang tersebut ini ialah pembahagian-pembahagian am, yang dibahagikan oleh kedua-dua golongan, golongan ahli usul dan golongan fuqahā' (ulama ahli fiqah).

Jenis-jenis bid'ah yang diperselisihkan

Sayugia diketahui, bahawa golongan fuqahā' telah membahagikan bidaah itu kepada lima bahagian. (Pembahagian ini dinamai pembahagian khas). Pembahagian dilakukan oleh al-Izz ibn Abd al-Salām dan kemudian diteruskan oleh al-Qarāfi.

Lebih dahulu mereka membahagikan bid'ah kepada dua bahagian.

a. *Bid'ah ḥasanah*.

b. *Bid'ah qabīhah*.

Bid'ah ḥasanah. Mereka bahagi kepada: *wājibah*, *mandūbah* (sunat) dan *mubāhah* (harus).

Bid'ah qabīhah, mereka bahagi kepada: *muharramah* (haram) dan *mukarrahah*.

Bila dijelaskan, menjadilah bi'ah itu lima (wājib, sunnah, hārus, harām dan makrūh).

Sebagaimana hukum syarak itu terbahagi lima: wājib, mandūb (sunnah), mubāh, harām dan makrūh, maka begitu juga bid'ah. Ada bid'ah yang wājib, ada bid'ah yang sunnah, ada bid'ah yang mubāh, ada bid'ah yang harām dan ada bid'ah yang makrūh.

1. *Bid'ah wājib* menurut kata golongan fuqahā', ialah: "segala pekerjaan yang masuk ke dalam kaedah-kaedah wājib dan masuk ke dalam kehendak dalil agama", seperti: mengumpulkan al-Qur'ān dan membukukannya dalam mushaf, dan seperti memberatkan umat mengikuti mushaf Saidina Uthman sahaja. Demikian juga membukukan ilmu, dan segala apa jua alat yang diadakan untuk memahamkan agama atau memelihara agama daripada rosak maka semua itu baik dan mustahak kerana sebahagiannya kembali kepada *maṣlahah mursalah* dan sebahagiannya berdasarkan kaedah: "tiap-tiap yang tiada sempurna sesuatu yang wājib dengan ketiadaannya, menjadi wājib juga." Mengingatkan perbuatan-perbuatan dan perkara-perkara yang disebutkan tadi tak ada diamalkan oleh Nabi maka bid'ah namanya – bid'ah wājib (memandang kepada eloknya dan mustahaknya).

2. *Bid'ah sunnah*, ialah: "segala pekerjaan wujudkan oleh kaedah-kaedah sunnah dan dalil-dalilnya, seperti: mengerjakan tarawih berjemaah pada tiap-tiap malam bulan puasa, kerana tarawih yang dilakukan dengan berjemaah dan diimamkan oleh seorang imam yang tertentu, tidak dibuat pada zaman Nabi, (S), atau pada zaman Saidina Abu Bakar atau pada permulaan zaman Saidina Umar. Tetapi sesudah Saidina Umar melihat orang ramai sembahyang di masjid sendiri-sendiri, atau berpuak-puak, baharulah ia menyuruh supaya mereka semua bersembahyang tarawih

di belakang seorang imam.

3. *Bid'ah mubāh* (harūs), ialah: “segala pekerjaan yang diterima oleh dalil-dalil harūs”, seperti makan di atas meja dan seumpamanya.

4. *Bid'ah harām*, ialah: “segala pekerjaan yang masuk ke dalam kaedah-kaedah harām dan dalil-dalil harām”, seperti: perbuatan-perbuatan yang menentang undang-undang agama, seperti mendahulukan orang jahil atas orang alim.

5. *Bid'ah makrūh*, ialah: “segala pekerjaan yang masuk ke dalam kaedah-kaedah makrūh dan dalil-dalil makrūh”, seperti hari-hari utama dengan suatu macam ibadat, kerana tak boleh seseorang mengadakan sendiri sesuatu syiar agama. Dan masuk ke dalamnya menambah-nambahkan perkara yang telah ditentukan bilangannya. Misalnya kita disuruh membaca tasbih 33 kali sesudah sembahyang, lalu kita tambah menjadi 100 kali. Dengan demikian menjadilah ia makrūh.

Al-Shātībī menolak pembahagian bid'ah kepada lima bahagian seperti yang diturunkan di atas itu. Kerana al-Shātībī memaknakan bid'ah hanyalah segala pekerjaan yang diada-adakan sesudah Nabi (S.A.W) untuk dijadikan ibadat. Sebaliknya al-'Izz bin Abd Salām yang diturut oleh al-Qarāfī dan lain-lainnya, membahagikan bid'ah kepada lima ialah kerana berdasarkan makna bid'ah yang diberikannya, iaitu: “segala yang diada-adakan sesudah Nabi, baik mengenai ibadat atau pun mengenai adat.” Makna bid'ah serupa ini menghendaki kita membahagikannya, supaya tidak terghah pekerjaan yang tidak patut ditegah.

Sesudah kita pelajari apa yang dikatakan oleh al-Qarāfī dan apa yang dikatakan oleh al-Shātībī, nyatalah

bahawa keduanya hanyalah berselisih pada memberi nama pekerjaan, bukan pada menetapkan hukum pekerjaan itu.

Umpamanya mengumpulkan al-Qur'an, menurut kata al-Qarāfī ialah “*bid'ah wājib*” yang mesti dilakukan.

Menurut al-Shātībī pula ialah “*maṣlahah mursalah*” yang mesti dilaksanakan.

* * *

Di sini mustahak ditegaskan bahawa: “sesuatu ibadat yang tiada dikerjakan oleh Nabi (S.A.W) yang tiada pula masuk ke bawah sesuatu kaedah agama, baik oleh yang membahagi bid'ah kepada lima, ataupun yang tidak membahaginya kepada lima, menetapkan ketiadaan harus kita beribadat dengan yang semacam itu.”

(Dari buah qalam al-Ustadh Muhammad Hasbi al-Siddiqi)

Di antara buku-buku sejarah:

Muhammad Ṣalla Allahu ‘Alayhi Wasallam	1	\$1.20
“ “ “ “ “	2	1.20
“ “ “ “ “	3	1.20
“ “ “ “ “	4	1.20
Abu Bakar Al Sidiq	1	1.20
“ “ “ “ “	2	(Habis) 1.20
Umar Bin Al Khathab	1	1.20
“ “ “ “ “	2	1.20
“ “ “ “ “	3	1.20
Usman Bin Affan	1	1.20
“ “ “ “ “	2	1.20
Baginda Ali	1	1.20

Pesan kepada:

QALAM,

356/8, Geylang Road, Singapore 14.
